

RANCHANGAN MELAYU RAYA:

PENDAPAT2 RA'AYAT BRUNEI AKAN DI-MINTA

BANDAR BRUNEI. — Pendapat2 dari seluruh ra'ayat di negeri ini akan di-minta berhubung dengan ranchangan Melayu Raya yang meliputi negeri2 Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei yang di-anjorkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman.

Ini, telah di-tegaskan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dalam menyambut titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dalam majlis

kan berkenaan dengan perhubungan rapat di-antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei.

"Dalam perkara ini Duli Yang Maha Mulia telah menyebutkan bahawa Baginda telah menerima sa-puchok surat daripada Setia Usaha Tanah2 Jajahan yang isi

kandungan surat itu memohonkan pendapat Duli Yang Maha Mulia."

Dato Setia Marsal menegaskan bahawa walaupun kuasa2 memberi pendapat dalam perkara itu di-tangan Duli Yang Maha Mulia dan Majlis Meshuarat Kerajaan, namun Duli Yang Maha (Lihat Muka 4)

Wakil-Wakil Brunei Hadhir Di-Persidangan Melayu Raya

BANDAR BRUNEI. — Lima orang wakil2 dari Negeri Brunei telah menghadhiri Persidangan Yang Ke-dua Jawatan Kuasa Setia Kawan Persekutuan Melayu Raya di-Kuching, Sarawak pada 18 dan 19 December, 1961.

Wakil2 itu ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir dan Yang Berhormat Inche George Newn Ah Foott.

Para perwakilan dari Negeri Brunei itu telah menghadhiri persidangan tersebut hanya sa-bagai pemerhati2 sahaja. Beliau2 itu tidak-lah mengeluarkan sa-barang pendapat atau pun mengambil bahagian dalam perbahathan persidangan itu sa-belum mendapat

fikiran2 daripada ra'ayat negeri ini.

Yang Berhormat Inche Donald Stephens dari Borneo Utara telah memimpin persidangan tersebut. Turut hadir di-persidangan itu ia-lah Inche Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura dan beberapa orang wakil dari Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Persidangan itu telah membincangkan berbagai2 perkara mengenai Persekutuan Melayu Raya yang telah di-chadangkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu.

BRUNEI HADIAH \$10,000

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menghadihkan wang sebanyak \$10,000 untuk derma pembangunan Mesjid di-Bandar Seol, Korea Selatan.

Hadiah itu telah di-kirinkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei kepada Yang Dipertua, Persatuan Islam Korea Selatan pada 12 December, 1961.

pembukaan rasmi persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December lepas.

Ucapan beliau itu berikutan dengan sa-buah usul menyampaikan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia atas titah Baginda dalam persidangan tersebut.

Usul itu berbunyi:

"Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usul menguchapkan sa-penoh2 terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan di-atas keberangkatan Baginda di-majlis ini pada 5 December, 1961 dan di-atas titah Baginda yang majlis ini menjunjung dengan sa-penoh2-nya."

Dalam ucapan Menteri Besar itu telah menyentuh hal ranchangan Melayu Raya berikutan dengan titah Duli Yang Maha Mulia.

Menteri Besar berkata:

"Saya suka menghuraikan bahawa dalam titah Duli Yang Mama Mulia ada-lah menyebut-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin (duduk di-tengah) dan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Tuan D.C. White (duduk nombor empat dari kiri) bergambar dengan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada 5 December, 1961 sa-lepas Duli Yang Maha Mulia ber-titah di-istiadat pembukaan persidangan belanjawan Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Duduk di-selatan kanan Baginda dalam gambar ini ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Yang Di-Pertua Dewan, Majlis Meshuarat Negeri Brunei. Titah D.Y.M.M. di-istiadat tersebut telah kita siarkan dalam keluaran Pelita Brunei pada 6 December yang lalu.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI DI-DIRIKAN TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu yang di-bawah anjoran Pejabat Pelajaran Negara, Brunei akan dapat di-dirikan pada tahun hadapan.

Demikian menurut titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang berlangsung di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada 5 December yang lalu.

"Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu ini akan berhubung rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia untuk memperkembangkan serta memperluaskan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam segala lapangan di-negeri ini," titah Baginda.

Mengenai hal ehwal pelajaran dan perkembangan bahasa Duli Yang Maha Mulia telah juga menyatakan bahawa sa-ramai 143 orang guru2 akan di-tambah pada tahun hadapan.

Dalam lanjutan titah Duli Yang Maha Mulia itu, Baginda telah juga menguchapkan terima kasih atas kerjasama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam memberi pertolongan kepada negeri ini dalam beberapa lapangan.

"Seperti yang kita sedia ma'alom, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah sanggup melatuhkan Askar2 Melayu Brunei, guru2

sekolah dan memberi pinjam beberapa pegawai-nya untuk berkhidmat di-sini dan melatuhkan pegawai2 tempatan sa-hingga mereka itu dapat mengambil tempat yang penting dalam segi pertadbiran negeri ini."

"Kapada pegawai2 ini beta menguchapkan berbilang2 terima kasih di-atas perkhidmatan mereka di-dalam keadaan yang ada kala-nya sangat sukar," titah Baginda.

Baginda juga menguchapkan terima kasih kepada Pertubuhan Bangsa2 Bersatu yang telah memberi sumbangan-nya yang penting kepada negeri ini dengan jalan meminjamkan beberapa orang pakar yang sedang berada dalam negeri ini dan beberapa orang lagi yang mungkin akan di-datangkan pada tahun hadapan.

Uchapan terima kasih Baginda itu telah juga di-tujukan kepada Negeri Singapura dan negeri2 yang lain yang telah memberi bantuan kepada negeri ini.

DERMA BANGUNAN SEKOLAH MISI

BANDAR BRUNEI. — Jikalau kita mempunyai sa-buah kereta, kita boleh dapat menghantarkan kereta itu ka-luar negeri. Sa-balek-nya kalau-lah kita mempunyai sa-buah bangunan dalam negeri ini, bangunan itu akan kekal berada di-dalam negeri ini dan tidak boleh di-hantarkan ka-luar negeri, tegas Canon Paul Chong, Guru Besar, Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei.

Canon Paul Chong telah memberi ucapan tersebut di-temasha Malam Aneka Warna Sekolah Misi Saint Andrews.

Temasha itu telah di-langsungkan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam2 9 dan 10 December yang lalu untuk mengutip derma bangunan dan khutub khannah sekolah tersebut.

Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei ia-lah di-antara ramai para penonton di-temasha itu.

Dalam ucapan-nya Canon Paul Chong berkata bahawa Malam Aneka Warna itu telah diadakan khas untuk mengutip derma bagi membangunkan sekolah-nya yang baharu.

Beliau menerangkan bahawa wang sa-banyak \$250,000 ada-lah di-kehendaki bagi membangunkan sekolah yang baharu itu.

Sekolah itu terpaksa di-pindahkan ka-lain tempat kerana tempat-nya itu di-kehendaki oleh pehik yang mempunyai tanah tersebut.

Dengan sebab itu-lah beliau merayukan kepada orang ramai memberi sa-barang bantuan untuk membangunkan sa-buah sekolah yang baharu. Jikalau tidak, kata-nya, pelajaran murid2 sekolah itu akan terganggu.

Orang ramai yang sudi hendak membantu tabung derma sekolah tersebut boleh-lah mengirinkan derma masing2 kepada :

Canon Paul Chong, Guru Besar, Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei ; Inche Lim Soo Jin, Penyimpan Wang Yang Kehormat, Derma Bangunan Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei atau pun kepada Inche R.D. Ross, Pengurus, Derma Bangunan Sekolah Misi Saint Andrews, Bandar Brunei.

MAJLIS SELAMAT BERPISAH P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan satay untuk memberi "selamat berpisah" kepada Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

Majlis itu telah di-langsungkan di-dewan Sekolah Perempuan Raja Isteri Fatimah pada petang 10 December yang lalu.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Muhammad ia-lah di-antara ramai yang hadir di-majlis tersebut.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Inche Othman bin Bidin, Yang di-Pertua, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan oleh Yang Berhormat Inche Idris Babjee,

HASIL BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada 5 December yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menegaskan bahawa pengeluaran minyak hasil negeri yang terbesar sekali itu di-jangka akan beransur kurang dari sa-tahun ka-satahuan.

"Jika sa-kira-nya telaga minyak yang baharu tidak dapat di-jumpai maka harus-lah puncha hasil ini dengan keadaan yang ada pada masa ini, akan berkurangan di-dalam masa yang singkat," titah Baginda.

Mengenai mas'alah ini Kerajaan Baginda telah mengambil perkhidmatan pakar minyak untuk menyiasat hal ekonomi minyak di-samping mencari jalan untuk melicinkan perhubungan dan mengukuhkan perjanjian di-antara kerajaan dengan Sharikat Minyak Shell Brunei.

"Dengan pengambilan perkhidmatan pakar itu, chara kutipan hasil daripada* pengeluaran minyak ini akan menjadi lebih teratur dan dengan ini berna'ana hasil negeri akan bertambah daripada apa yang di-jangka dengan keadaan sekarang", titah Duli Yang Maha Mulia.

Murid2 Bergembira

BANDAR BRUNEI. — Murid2 dan guru2 Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah menyempurnakan kelepasan persekolahan akhir tahun ini mulai pada hari Jumaat 15 December yang lalu.

Sekolah2 itu akan di-buka semula pada hari Thalatha 2 January akan datang.


Dalam minggu yang lalu sekolah2 Melayu tersebut telah mengadakan berbagai2 acara sambutan penutup persekolahan di-sekolah masing2.

Penuntut2 Ugama ka-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Lima orang penuntut2 Sekolah2 Ugama di-Negeri Brunei telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Sekolah Arab Al-Jumied, Singapura.

Mereka ia-lah Naidi bin Mohamed Noor dari Sekolah Ugama, Sungai Liang; Awangku Yusof bin Pengiran Kula dari Sekolah Ugama Berakas; Mohamed Adnan bin Buntar dari Maktab Anthony Abell, Seria; Besar bin Amba dari Sekolah Ugama Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara dan Mohamed Mulok bin Kamid dari Sekolah Ugama Muhammad Alam, Seria.

Penuntut2 tersebut akan berangkat ka-Singapura untuk belajar di-sekolah Arab tersebut sa-lepas bulan Puasa hadapan.



Lima orang Pelatoh2 Inspektor Polis yang telah berlepas ka-Singapura untuk berlatih sadikt hari dahulu bergambar dengan dua orang Inspektor2 Polis Brunei. Di-kiri sa-kali ia-lah Inspektor B.M.J. Carvalho, Pemangku O.C.P.D. Brunei dan di-kanan sa-kali ia-lah Inspektor Abu Zar O.C.S. Brunei.

JAWATAN TIMBALAN MENTERI BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menyatakan di-persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December yang lalu bahawa dalam Anggaran Belanjawan di-bahagian pentadbiran tahun hadapan jawatan Timbalan Menteri Besar akan di-adakan.

Bertitah di-hadapan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri itu, Baginda sa-lanjut-nya menjelaskan :

"Tujuan di-perbuat peruntukan ini ia-lah supaya Timbalan Menteri Besar dapat memberi bantuan dan untuk meringankan pekerjaan Menteri Besar dengan jalan yang mana membolehkan Menteri Besar berdamping lebih rapat dengan rakyat".

Dalam titah Duli Yang Maha Mulia di-awal persidangan itu, Surohanjaya2 Pilehan Raya dan Perkhidmatan Awam yang ahli2-nya akan terdiri dari anak2 negeri ini juga akan dapat di-dirikan pada tahun hadapan.

Mengenai masa'alah ini Baginda perchaya bahawa dengan tekun dan usaha ahli2 serta dengan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, surohanjaya2 ini akan dapat menjalankan tugas2-nya dengan sempurna dan kedudukan-nya nanti akan bersaibangan dengan kedudukan surohanjaya2 di-negeri2 lain.

Dalam lapangan pertadbiran negeri, Duli Yang Maha Mulia telah berazam supaya anak2 negeri akan dapat di-lateh untuk mengambil peranan2 yang terpenting, bukan sahaja dalam bahagian pertadbiran yang biasa tetapi juga dalam lapangan teknikal dan professional.

"Maka oleh itu Kerajaan beta dari beberapa tahun yang lalu telah menggalakkan dan akan menggalakkan supaya penuntut2 negeri ini di-hantar keluar negeri untuk belajar.

PENUBOHAN KILANG2

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan sedang menjalankan penyiasatan untuk menchari chara2 menggalakkan penubohan kilang2 perusahaan dan sa-bagai-nya di-negeri ini dengan menggunakan bahan2 minyak dan gas.

Demikian menurut titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December yang lalu.

Bertitah mengenai penyiasatan itu Duli Yang Maha Mulia telah membayangkan bahawa sa-kiranya perusahaan2 ini dapat di-dirikan di-negeri ini maka kemajuan negeri akan bertambah.

"Tetapi mesti-lah di-ingat bahawa sa-barang ranchangan perusahaan, mithal-nya perusahaan membuat baja urea, membuat kaca dan membuat cement adalah berkehendakkan pasaran yang luas di-antara negeri2 yang berjiran dan bersafahaman dengan kita," tegas Baginda.

MALAM ANEKA WARNA HARI PELAJAR

BANDAR BRUNEI. — Malam Aneka Warna "Hari Pelajar" telah berlangsung di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-bawah kelolaan Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 Maktab tersebut, pada 8 December yang lalu, mulai jam 7.30 malam.

Surohan Jaya Pilehan Raya

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Surohan Jaya Pilehan Raya telah di-bentok baharu2 ini.

Surohan Jaya itu ada-lah mengandongi Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omarali, bekas Pegawai Daerah Belait (sa-bagai Pengurus), Dato Setia Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha, Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Inche Kong En Choi.

Temasha tersebut telah di-serikan oleh dua buah derama satu babak di-samping achara2 lain-nya yang berupa nyanyian2, pembacaan sajak dan lain2.

Derama "Keseh Sa-Lingkarang Darah", karangan dan arahan Inche Mahmud Bakyr menche-ritakan keseh satu keluarga yang tidak mengenal diri mereka antara satu dengan lain dan akhir-nya terjadi pembunuhan yang membawa akibat mati-nya semua sekali keluarga tersebut.

Derama "Malam Berdarah", karangan dan arahan Inche Mohammad Sarudin mencheritakan keseh dua tokoh manusia yang masing2 ingin menegakkan kebenaran mereka dan akhir-nya pehak yang benar tetap menda-pat hak-nya sa-sudah tokoh pengkhianat dapat di-hapuskan daripada bermaharajalela.

Di-penghujung temasha itu dua orang penuntut yang memegang tiket yang berhasib baik ia itu Siti Hajar binte Mohd. Yusof dan Abdullah bin Rashid telah menerima hadiah yang di-sediakan oleh persatuan tersebut.

Pancharagam Dendang Irama Keronchong Orkes di-bawah pimpinan Inche Awg: Besar Sapag telah bermain di-majlis itu.

PEJABAT PERPINDAHAN

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Perpindahan pada masa ini sedang membuat persediaan saperti membuat peta2, pelan2, tapak perumahan, jalan2 raya, saloran piap ayer dan perbekalan api sa-bagai ranchangan perpindahan Kampong Ayer.

Demikian telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad, Pegawai Perpindahan Brunei ketika menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Md. Saleh dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5-December lepas.

Dalam pertanyaan-nya itu, Yang Berhormat Inche' Shaha-

buddin ingin mengetahui tentang sa-jauh mana kemajuan2 yang telah di-chapai dan mengapa-kah penerangan2 tidak ada mengenai ranchangan perpindahan tersebut.

Dato Setia Haji Ahmad menya-takan lagi bahawa apabila siap persediaan2 dan ranchangan2 yang berhubung dengan perkara itu baharu-lah di-umumkan ka-pada orang ramai.

INCHE H.M. SALLEH BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Inche H.M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masharakat Negeri Brunei yang pada masa ini sedang berlateh di-Persekutuan Tanah Melayu telah di-lantek menjadi pengurus, satu kursus pemuda pemudi baharu2 ini.

Kursus itu telah di-adakan di-Pusat Latehan Pemuda Pemudi Persekutuan Tanah Melayu di-Morib, Selangor sa-lama sa-minggu mulai dari 24 November yang lalu.

Sa-ramai 26 orang wakil2 pemuda2 dan pemudi2 dari seluruh Persekutuan Tanah Melayu, kecuali Johore telah menghadhiri kursus tersebut.

Kursus itu sangat-lah menarek hati dan berguna kepada para pemuda dan pemudi yang menghadhiri-nya.

Pengalaman2 yang di-dapati

oleh pemuda2 dan pemudi2 yang menghadhiri kursus itu akan menjadi panduan2 yang besar dan berguna kepada mereka pada masa hadapan kelak.

Inche H.M. Salleh telah mulai berkhidmat sa-bagai Pegawai Kebajikan Masharakat Negeri Brunei pada 10 August yang lalu.



Inche H.M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masharakat Negeri Brunei (di-kanan sekali) kelihatan sa-waktu memimpin kursus pemuda pemudi di-Morib, Selangor sa-bagai mana yang di-beritakan di-muka ini.

Beliau telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 10 September untuk berlateh di-Pusat Kebajikan Masharakat di-Kuala Lumpur, dan juga melawat ka-beberapa tempat di-Persekutuan Tanah Melayu kerana mempelajari berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan hal ehwal kebajikan masharakat.

PENGALAMAN

Sementara itu, Inche Salleh menyatakan dalam sa-puchok surat yang di-kirimkan kepada kita pada minggu yang lalu bahawa beliau sudah pun mempunyai banyak pengalaman mengenai kebajikan masharakat semenjak berlateh di-Persekutuan Tanah Melayu.

"Saya perchaya tugas2 yang di-kehendaki dan di-berikan pada saya oleh Kerajaan Brunei itu tidak-lah tersia2 dan sa-kembali-nya saya nanti mudah2an dapat saya menyembahkan bakti pada tanah ayer dan bangsa — tegas-nya kepentingan masharakat di-Brunei. Itu-lah azam saya", kata Inche Salleh.

Menurut surat tersebut, Inche H.M. Salleh akan berangkat ka-Singapura dari Kuala Lumpur pada 5 January, 1962 dan di-jangka balek ka-Brunei pada 10 January hadapan.

Rancangan2 Besar Tahun 1961 Telah Di-Jalankan

BANDAR BRUNEI. — Dalam tahun 1961 ini tiga rancangan yang besar telah pun dapat di-jalankan ia-itu rancangan2 pembenaan Istana Tetamu, pembenaan masjid di-Kuala Belait dan pembenaan memperbesarkan bangunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Ini telah di-jelaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada 5 Decem-ber yang lalu.

SA-SAORANG RA'AYAT HILANG TARAF KERA'AYATAN SA-KIRA-NYA IA

BANDAR BRUNEI. — Sa-saorang itu akan kehilangan taraf kera'ayatan-nya jika ia mening-galkan negeri ini terus menerus sa-lama lima tahun dan tidak dapat memberi apa2 kenyataan yang memuaskan hati Sultan ba-hawa ketiadaan-nya itu ada mempunyai hubungan yang ber-kesan dengan negeri ini.

Sa-kira-nya sa-saorang itu ada memohonkan satu sijil atas ke-tiadaan-nya itu, dan permohon-an-nya itu pula tidak mendapat layanan, maka akan luhut-lah juga taraf kera'ayatan-nya biar pun ia telah menerangkan baha-wa ia-nya ada mempunyai hubo-ngan yang berkesan terhadap negeri ini.

Tetapi pemberian sa-barang sijil itu pula ada-lah terpuang kepada pertimbangan Sultan sa-mata2.

Bagi sa-saorang ra'ayat Sultan dengan kuatkuasa mutlak undang2, tidak akan kehilangan ta-ruf kera'ayatan-nya asalkan ia-nya tidak akan mempunyai taraf kebangsaan yang lain.

Jika sa-saorang ra'ayat Sultan yang akan menghapuskan taraf kera'ayatan-nya dengan sa-chara lafadz dan penghapusan itu di-perentahkan oleh Sultan untuk di-daftarkan, maka orang itu akan terlucut daripada kera'-ayatan Baginda. Kalau penga-kuan itu pula di-buat sa-masa dharurat, Sultan ada-lah boleh menangguhkan pendaftaran itu.

Juru Ukor Negara

BERAKAS. — Inche Abdul Wahab bin Haji Daud, sa-orang Pegawai Kanan Jabatan Ukor di-Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei pada 9 De-cember yang lalu untuk berkhid-mat sa-bagai Juru Ukor Negara, Brunei.

Inche Abdul Wahab telah tiba di-lapangan terbang di-sini ber-sama2 dengan keluarga beliau dan di-sambut oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Ukor Brunei.

Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa perkembangan negeri terutama sekali dalam hal kemau-juan di-luar bandar ada-lah men-dapat pandangan berat dari Ke-rajaan Baginda.

"Perkhidmatan "bomba" yang lebeh terator dengan mempunyai rumah2 dan kereta2 yang berpautan di-jangka akan dapat di-mulakan pada tahun hadapan di-samping pembenaan Sekolah Per-tanian yang akan di-dirikan di-Jalan Muara.

"Sa-lain dari itu sa-buah seko-lah baharu dan tujuh ranchan-gan untuk memperbesarkan se-kolah2 sedia serta sa-buah Seko-lah Perempuan Kampong Ayer di-jangka akan dapat di-jalankan pembenaan-nya pada tahun ha-dapan" tegas Baginda.

Duli Yang Maha Mulia telah juga menyatakan bahawa satu

ranchangan pembenaan Sekolah Menengah Ugama akan di-dirikan di-Jalan Tutong. Peme-benaan sekolah ini mungkin akan dapat di-mulakan pada tahun hadapan.

Bertitah mengenai ranchangan perkembangan negeri pada ta-hun hadapan, Duli Yang Maha Mulia telah juga menegaskan ba-hawa satu ranchangan yang me-nelan belanja lebeh kurang \$277,000.00 akan di-gunakan un-tok menchehag banjir yang selalu berlaku di-Seria.

Menurut titah Baginda baha-wa satu so'al yang telah menjadi hangat di-kalangan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri ia-lah menge-nai ranchangan pembenaan ru-mah sakit di-Brunei dan di-Kuala Belait.

Mengenai masa'alah ini Bagin-da telah menjelaskan bahawa pembenaan rumah2 sakit ini akan dapat di-mulakan pada tahun hadapan.

PEGAWAI2 KASTAM KA-MELAKA



Enam orang Pegawai2 Kastam Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Melaka pada hari Jumaat yang lalu untuk ber-lateh di-sana.

Dari kiri ia-lah Inche Kipli, Inche Abdul Salam, Awang Besar, Inche Zainal, Pengiran Ahmad dan Inche Abdullah.

Pegawai2 Kastam itu telah bergambar di-Tambatan Kastam Diraja Bandar Brunei bersama2 dengan Inche Sahari bin Idris, Ketua Penyelia Kastam, di-Ban-dar Brunei beberapa hari sa-belum mereka berangkat ka-Melaka.

BERAKAS. — Enam orang Pegawai2 Kastam Negeri Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal ter-bang pada hari Jumaat yang lalu untuk menghadiri kursus ulang-kaji pegawai2 kastam di-Sekolah Latehan Kastam Persekutuan Tanah Melayu di-Melaka.

Pegawai2 kastam tersebut ia-lah Inche Kipli bin Omarali, Inche Abdul Salam bin Dagong, Awang Besar bin Mahmud, Inche Zainal bin Nasir, Pengiran Ah-

mad bin Pengiran Ismail, dan Inche Abdullah bin Hashim.

Mereka akan mempelajari ber-bagai2 perkara yang bersangkut paut dengan pekerjaan2 pegawai2 kastam sa-lama beberapa minggu.

Di-antara pegawai2 kanan Ja-batan kastam yang berada di-lapangan terbang Brunei di-Bera-kas untuk menguchapkan "Sela-mat Berangkat ka-Melaka" kapa-da pegawai2 kastam tersebut ia-lah Inche Chua Kwang Soon dan Inche Sahari bin Idris.

PENDAPAT2 RA'AYAT BRUNEI DI-MINTA

(Dari Muka 1)

Mulia tidak mahu membelakangi pendapat2 ra'ayat.

"Sa-belum di-timbangkan oleh Kerajaan, saya berseru kepada seluruh penduduk2 di-negeri ini dapat-lah kira-nya memberikan kerjasama dan pendapat2 kepada Kerajaan berhubung dengan per-kerja ini," tambah beliau.

Menteri Besar itu juga telah menjelaskan bahawa Kerajaan sedang menyelenggarakan berhu-bong dengan perkara ini mene-tapkan bila tarikh-nya dan tem-pat-nya pendapat2 ra'ayat itu di-kehendaki.

"Pendapat2 dari puak2 jati Brunei, persatuan2 atau pun sa-chara persaoangan ada-lah di-kehendaki bila sampai masa-nya nanti," kata beliau.

Dalam ucapan-nya itu juga, Menteri Besar Brunei telah me-nyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah bertitah supa-ya "pilehan raya" dapat di-se-lenggarakan sa-lewat2-nya pada akhir bulan October tahun ha-dapan.

Beliau juga telah menyampaik-an harapan-nya kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri meng-ambil perhatian berat, menim-bang dengan ikhlas berhubung dengan "pilehan raya" supaya maksud Baginda itu akan dapat di-laksanakan bertepatan pada masa-nya.

Dato Setia Marsal menerang-kan: "Bahawa sebab2 kelamban-tan "pilehan raya" itu ia-lah sa-bagaimana yang telah di-terang-kan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Dalam perkara "pilehan raya" itu, kata beliau, Kerajaan telah sedia dan chukup bagi menyem-pornakan segala apa2 yang di-kehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia.

"Insha Allah, bak kata pepa-tah Melayu: kata itu dapat-lah di-kotakan untuk menjayakan titah Duli Yang Maha Mulia itu", tegas beliau.

WAKIL2 P.G.G.M.B. BALEK

BERAKAS. — Dua orang wakil2 Persekutuan Guru2 Me-layu Brunei yang telah menghad-hiri Seminar Latehan Guru2 Sa-Asia di-Saigon, Vietnam Selatan telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Rabu 13 December yang lalu.

Mereka itu ia-lah Chegu Pen-giran Metussin bin Pengiran Haji Lampoh, Setia Usaha Persu-ratan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan Chegu Abdul Razak bin Bungsu, Setia Usaha Sukan, Persekutuan Guru2 Melayu Bru-nei.

Seminar tersebut telah di-ada-kan di-Saigon mulai daripada 29 November hingga 7 December.

PENERANGAN RENGKAS MENGENAI PILEHAN RAYA

Sa-bagaimana yang tuan2 ketahui ia-itu baru2 ini pehak Kerajaan telah mengumumkan bahawa tarikh mengadakan pilehan raya bagi Negeri Brunei akan di-adakan sa-belum bulan October, 1962, dan dalam "pilehan raya" tersebut maka ra'ayat Sultan di-Brunei akan dapat memilih wakil2 mereka untuk menduduki kerusi2 dalam Majlis Mesnuarat Da'erah dan Majlis Mesnuarat Negeri.

Di-Brunei belum-lah pernah di-adakan mana2 Pilehan Raya, maka dari itu di-sini saya ingin memberi penerangan yang ringkas mengenai perkara ini.

Pilehan Raya adalah suatu perkara yang amat penting di-dalam peratoran Kerajaan yang berdemokrasi. Manakala memikirkan kepentingan besar pilehan raya, maka bermula-lah ia mesti di-jalankan dengan saksama dengan tidak menunjukkan ada champoran tangan dan pengaruh dari pertubuhan sisasah termasuk pertubuhan sisasah yang berkuasa pada masa pilehan raya itu di-jalankan.

Dengan sebab itu maka "pilehan2 raya" Majlis Mesnuarat Da'erah dan Majlis Mesnuarat Negeri adalah akan menjadi tanggung jawab khas suatu perbadanan bebas yang di-panggil "surohanjaya", dan surohanjaya itu tidak akan tera'lok walau dengan jalan apa sahaja pun, kepada perantah2 bersangkutan dengan bagaimana cara2 pilehan2 raya itu di-jalankan.

Penubuhan Surohanjaya Pilehan Raya dan dasar umum di-bawah mana ia-itu bertugas adalah ternyata di-dalam Perintah Perlembagaan (Surohanjaya Pilehan Raya 1961). Surohanjaya Pilehan Raya adalah di-lantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Sultan dan surohanjaya itu mengandungi sa-orang Pengerusi dan tidak kurang dari dua orang atau lebih dari empat orang ahli yang lain.

DALAM PERLEMBAGAAN

Fasal 4(2) di-dalam Perintah Perlembagaan Surohanjaya Pilehan Raya 1961 berbunyi sa-bagai berikut:—

"Tetaka melantek Ahli2 Surohanjaya Pilehan Raya maka Sultan hendaklah memikirkan betapa mustahak-nya mengadakan Surohanjaya Pilehan Raya yang akan diperchayai oleh orang ramai."

Gaji dan alon2 Ahli2 Surohanjaya Pilehan Raya adalah di-kenakan ka-atas Consolidated Fund, yang bermula bahawa Majlis Mesnuarat Negeri tidak boleh mempengaruhi Surohanjaya itu dengan tidak meluluskan wang untuk pembayaran gaji dan alon Surohanjaya Pilehan Raya.

Fasal 4(8) di-dalam Perintah Perlembagaan (Surohanjaya Pilehan Raya 1961) berbunyi:—

"Gaji2, alon2 dan lain2 sharat jawatan bagi ahli Surohanjaya Pilehan Raya tidak boleh di-pinda dengan mendatangkan kerugian kepada-nya sa-lepas ia-nya di-lantek."

Maka Perintah Perlembagaan itu menjelaskan dengan terang bahawa kuasa menjalankan Pilehan Raya di-Brunei akan terbebas daripada tekanan sisasah dan berkebolehan untuk menjalankan Pilehan Raya dengan adil dan saksama.

Baru2 ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Sultan telah melantek Yang Mulia Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali menjadi Pengerusi Surohanjaya Pilehan Raya dan juga tiga orang ahli yang lain ia-itu Yang Di-Mulikan Pehin Laksamana Dato Setia Haji Mohamed Taha, Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba dan Inche Kong En Choi.

Pilehan Raya untuk memilih wakil2 ra'ayat kerana menduduki kerusi2 Majlis Mesnuarat Da'erah dan Majlis Mesnuarat Negeri yang telah di-umumkan oleh Kerajaan akan di-adakan tidak lewat daripada penghujung bulan October, 1962.

Penerangan2 sa-chara ringkas berhubung dengan "pilehan raya" itu telah di-buat oleh Pemangku Pegawai Penerangan Negara, Inche' Md. Salleh bin Abd. Kadir melalui Radio Brunei pada pukul 8.00 malam 16 December yang lalu.

Uchapan Pemangku Pegawai Penerangan Negara itu, adalah seperti berikut:



Inche Salleh Kadir

Sa-saorang itu mesti-lah ingat bahawa pilehan raya tidak boleh di-adakan dengan tidak ada Daftar2 Pengundi. Manakala ada Daftar2 Pengundi yang sah, maka baharulah boleh menjalankan mana2 pilehan raya sama ada pilehan raya umum atau pun pilehan raya kecil. Bila sahaja ada kerusi kosong untuk di-penohi, maka suatu Surat Perintah akan di-eluarkan oleh Surohanjaya Pilehan Raya.

Surat Perintah itu memberi tahu berkenaan dengan pilehan raya yang hendak di-adakan itu dan menentukan hari menamakan chaluhan dan jika mustahak hari mengundi. Saya berkata "jika mustahak" ini bererti memang-lah sa-suatu pilehan raya itu boleh di-jalankan dengan tidak ada perundian langsung kalau sa-orang sahaja chaluhan yang telah di-namakan untuk memenohi kekosongan itu.

CHALUN BERJAYA

Di-dalam perkara ini chaluhan yang tersebut itu dengan serta merta di-laporkan sa-bagai chaluhan berjaya dan tidak ada pekerjaan lain lagi yang patut di-buat dalam pilehan raya itu.

Katakan-lah mital-nya ada lebih daripada sa-orang chaluhan di-lantek untuk bertanding dalam pilehan raya, maka segala persediaan mesti di-buat bagi membuang undi untuk menentukan chaluhan yang berjaya.

Semua pembuangan undi di-Brunei adalah dengan jalan undian sulit dan adalah menjadi kewajipan Pegawai Pengerusi bukan sahaja untuk menentukan bahawa bukan sahaja perundian itu sulit tetapi juga untuk menentukan bahawa semua orang memandang itu demikian.

Di-sini saya juga ingin menerangkan dengan ringkas bagaimana rahsia2 perundian ini di-kawal.

Tiap2 kertas undi di-dalam mana2 pilehan raya adalah di-nomborkan dengan angka berturut2 yang tertulis di-belakang-nya dan potongan kertas undi itu di-nomborkan berturut2 dengan nombor serupa itu juga pada muka-nya.

Manakala pengundi itu menandakan kertas undi-nya, di-kehendaki melibatkan-nya supaya nombor di-bahagian belakang tidak boleh dilihat oleh orang lain dan memasokkan-nya ka-dalam peti undi yang telah pun di-metrikkan.

Peti undi tidak di-buka hingga masa perundian itu di-tutup, dan perkiraan di-mulakan di-tempat pusat mengira bagi kawasan pemilihan itu.

Potongan kertas undi itu adalah di-tanda oleh sa-orang daripada kerani2 itu dengan nombor pengundi itu kepada siapa kertas undi yang berkenaan itu telah di-bahagikan. Bagaimana pun potongan kertas undi itu dan kertas undi sendiri di-metrikkan dan di-kunci dengan serta merta sa-lepas perundian itu tamat, dan perkiraan undi di-mulakan.

Dengan itu maka ada-lah mustahil bagi sa-siapa pun untuk membandingkan akan nombor yang tertulis di-atas potongan kertas undi itu dengan nombor yang di-dapati di-atas muka kertas undi itu di-tempat membilang undi, dan tidak ada kemungkinan pakatan khianat dalam perkara ini.

Semua kakitangan yang mengambil bahagian yang chergas di-dalam mana2 pilehan raya adalah kebanyakan-nya pegawai Kerajaan dan di-pinjam daripada Jabatan2 Kerajaan. Tuan2 tentu mengetahui bahawa kakitangan2 itu ia-lah seperti berikut:—

- Pegawai Pengurus
- Penolong Pegawai Pengurus
- Pegawai Pengerusi
- Kerani Tempat Mengundi
- Kerani Pengira.

Jawatan yang mustahak sekali di-dalam mana2 pilehan raya ia-lah Pegawai Pengurus dan ada-lah pekerjaan-nya untuk menentukan "pilehan raya" itu berjalan dengan sempurna dengan bantuan sementara daripada pegawai2 Kerajaan yang lain, daripada Polis dan daripada Surohanjaya Pilehan Raya.

Pilehan Raya itu bermula dengan urusan2 pada Hari Menamakan Chaluhan dan dalam hal ini Pegawai Pengurus sa-orang sahaja-lah pegawai yang mengambil bahagian yang terpenting.

Pada hari mengundi banyak pegawai2 yang berhabat tetapi mereka bekerja di-bawah kawalan Pegawai Pengurus dan kewajipan Pegawai Pengurus adalah terpenting sekali di-dalam seluruh pekerjaan itu.

Dan di-bawah Pegawai Pengurus ada beberapa orang Pegawai2 Pengerusi. Pegawai2 ini adalah di-pakai pada hari mengundi sahaja dan tiap2 orang daripada-nya akan menjaga sa-buah tempat mengundi.

Pegawai2 Pengerusi ini, tera'lok kepada arahan umum Pegawai2 Pengurus, adalah penjaga ulong semua persediaan untuk membuang undi di-dalam tempat mengundi mereka. Tiap2 orang Pegawai Pengerusi akan mempunyai dua atau tiga kerani un-

tok menolong-nya di-dalam pekerjaan membuang undi dan juga dua atau tiga orang anggota Polis untuk menolong-nya mengawal keamanan di-Tempat Mengundi.

Kewajipan2 kerani ini ia-lah seperti berikut:—

Pertama — Untuk menchari nama pengundi dalam daftar pengundi dan mengisahkan pengenalan diri-nya;

Kedua — Untuk menanda daftar pengundi untuk menentukan pengundi tersebut telah menerima kertas undi-nya;

Ketiga — Untuk menanda puntong kertas undi dengan nombor pengundi itu sa-bagaimana yang ada dalam daftar pengundi;

Kemapat — Untuk merakamkan atau menandakan kertas undi itu dengan tanda sulit;

Kelima — Untuk menentukan bahawa pengundi itu faham bagaimana hendak membuang undi, mengundi dengan chepat dan meninggalkan tempat mengundi dengan serta merta sa-lepas mengundi.

Pegawai2 Pengerusi dan kerani2 mereka mesti membuka tempat mengundi mereka sa-panjang hari daripada pagi hingga ka-petang atau pada jam yang di-tetapkan dan di-dalam masa ini ada-lah di-agakkan bahawa semua orang pengundi2 yang di-tujukan ka-Tempat Mengundi tersebut akan dapat peluang mengundi asalkan mereka tidak terlengah dan tiba dengan berasak2 sa-dikit masa sa-belum tempat mengundi itu di-tutup.

Tempat mengundi itu akan di-tutup pada jam yang di-tetapkan dengan tidak menghiraukan sama ada maseh banyak lagi pengundi2 di-luar yang hendak membuang undi atau tidak.

PERINGKAT GEMBIRA

Peringkat yang gembira sekali di-dalam sa-suatu "pilehan raya" ia-lah perkiraan undi, dan ini di-lakukan di-sa-buah pusat di-dalam tiap2 kawasan pemilihan.

Apabila sahaja sampai masa-nya menutup tempat mengundi itu, maka Pegawai Pengerusi akan memetrikkan berbagai jenis risalah2 dan menghantarkan-nya bersama peti undi yang tinggal termetri sa-panjang hari ka-tempat perkiraan undi dengan chepat di-bawah kawalan Polis.

Perkiraan undi ini ada-lah akan dilakukan oleh suatu bilangan kerani2 dan mereka mesti-lah walau macham mana sekali pun, bukan-lah kerani2 yang bertugas di-tempat2 membuang undi. Ini adalah untuk menentukan bahawa tidak ada kemungkinan berlaku perbuatan khianat seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tiap2 orang kerani ini di-perhatikan oleh sa-orang wakil yang di-lantek oleh tiap2 chaluhan dan oleh itu tiada-lah kemungkinan berlaku kekhilapan oleh kerani2 pengira itu. Peratoran mengira yang sa-benar-nya adalah seperti berikut:—

Tiap2 buah peti undi itu di-buka satu persatu di-hadapan Wakil Chaluhan (sekira-nya mereka ada hadhir) supaya mereka berpuas hati yang lak metri tidak di-pechahkan dan kertas2 undi di-dalam peti undi tidak di-bilang.

Di-dalam masa perkiraan ini kertas2 undi itu di-langkopkan muka kabawah supaya tidak ada orang yang boleh tahu untuk chaluhan mana undi itu telah di-buang.

Bilangan kertas2 undi di-dalam tiap2 buah peti itu di-bandingkan dengan laporan yang di-buat oleh Pegawai Pengerusi yang menyatakan bilangan kertas undi yang telah di-eluarkan kepada pengundi2 di-tempat pengundi.

Manakala sahaja di-ketahui yang jumlah undi di-dalam tiap2 peti undi sama dengan jumlah kertas undi yang telah di-eluarkan di-tempat2 mengundi yang berkenaan, semua kertas

(Lihat Muka 6)



TITAH BAGINDA:

Timbalan S.U.K. Menyokong Usul Menteri Besar

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim telah menjelaskan bahawa Negeri Brunei tidak-lah sama kedudukan-nya dengan negeri2 Sarawak dan Sabah sa-bagaimana yang sering di-kaitkan oleh tokoh2 politik dalam membincangkan rancangan Melayu Raya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap menyokong usul yang di-hadapkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un yang mengkehendaki majlis menyampaikan ucapan terima kasih atas titah Baginda dan menjunjung dengan sa-penoh2-nya, dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December lepas.

Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf berkata:

"So'al Melayu Raya ini bukanlah perkara yang baharu di-dengar di-majlis ini, tetapi telah tersentuh dalam titah Duli Yang Maha Mulia pagi tadi.

"Perkara ini memang telah banyak di-perbincangkan oleh ra'ayat dalam negeri ini—ada yang suka dan ada yang tidak suka."

Beliau juga menegaskan bahawa perkara yang tersentuh dalam titah Duli Yang Maha Mulia itu pernah kita dengar melalui Radio2 surat2 khabar dan cherita2 mulut terutama orang2 yang telah keluar negeri.

"Sa-tengah2 orang barangkali tentu keliru dan tidak faham mengapa so'alan ini di-bawa dalam titah Duli Yang Maha Mulia pada pagi tadi bahawa baginda mengatakan dapat memperhatikan so'al ini dan telah di-nyatakan oleh Baginda bahawa Setia Usaha Tanah2 Jajahan British baharu2 ini telah mengirim surat dan minta pandangan Baginda," tambah beliau.

Pengiran Haji Md. Yusuf berkata lagi bahawa ini, ada-lah ber-

erti Brunei tidak sama kedudukan-nya dengan negeri2 Sabah dan Sarawak, walaupun dalam kuasa, yang selalu di-sebut2 oleh tokoh2 politik yang bererti termasuk Brunei.

"Tetapi Kerajaan Baginda Queen sadar akan kedudukan Negeri Brunei ini, sebab itu sa-bagaimana yang kita dengar ia itu Jawatan Kuasa Surohan Jaya Penyiasat ada-lah di-tujukan kepada Sarawak dan Sabah dan tidak termasuk Brunei", ujar beliau.

Barangkali ada di-antara orang ramai yang ragu2 bahawa rancangan Melayu Raya ini di-pandang sa-kali imbas boleh di-putuskan dengan sa-kejap masa sa-baja; "Tetapi" — kata beliau — "Saya percaya ahli2 sakalian, terutama ahli2 yang mengenal Perlembagaan Negeri Brunei akan dapat mengikuti bahagian 4 dari Undang2 Perlembagaan ia-itu bahagian Pengganti Raja".

"Dalam bab 24 jelas mengatakan "melainkan dengan sa-tahu, nasehat dan izin Meshuarat Kerajaan maka tidak-lah boleh Sultan menyerah atau memberi,

atau mana2 bahagian daripadanya.

"Ini, jelas kepada kita bahawa kuasa ada-lah di-tangan Duli Yang Maha Mulia sendiri sa-telah mendapat izin dari Majlis Meshuarat Kerajaan", tegas-nya.

Pengiran Haji Md. Yusuf menambahkan: "Duli Yang Maha Mulia tidak akan menggunakan kuatkuasa yang di-beri oleh Perlembagaan, malah baginda sendiri berseru kepada ra'ayat dan

penduduk2 negeri ini supaya hal2 ini di-kaji dan di-beri pendapat2, sebab Baginda sadar untong nasib Brunei yang akan datang ada-lah tergantung kepada kedudukan dalam masa'alih ini.

"Sebab itu Duli Yang Maha Mulia minta pendapat2 orang ramai. Saya harap dan saya per-chaya orang ramai akan sadar bahawa Duli Yang Maha Mulia tidak membelakangi fikiran2 ra'ayat."

RANCANGAN2 KEMAJUAN:

Penjelasan Menteri Besar

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un telah menjelaskan beberapa perkara antara-nya mengenai rancangan kemajuan tiap2 da'erah, rancangan membuat gelas daripada pasir, bidang pertanian, jalan2 kecil dan perbekalan api, kekurangan pegawai2 tinggi di-Brunei dan lain2.

Penjelasan ini di-buat beliau berikutan dengan kata2 yang berbangkit dalam kata penanggo-han dari Ahli2 Yang Berhormat Inche Shahabuddin bin Md. Saleh dan Inche Abd. Manan bin Muhammad dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 7 December lepas.

Dato Setia Marsal berkata: "Berhubung dengan rancangan kemajuan tiap2 da'erah masing2 supaya menentukan dimana tempat2 yang akan di-chadangkan itu. Perkara ini ada-lah dalam pelaksanaan Jawatan Kuasa Perancang bagi Jumaah Kemajuan."

Berkata mengenai rancangan yang di-kemukakan berhubung dengan perusahaan membuat gelas daripada pasir yang ada di-Jalan Tutong dan Seria beliau menjelaskan bahawa perkara ini sedang dalam penyiasatan pakar ekonomi.

"Ini, tentu-lah akan mengamb- bil masa. Bukan sahaja kita hendak membuat fabrik berkenaan

dengan perkara ini, tetapi terlebih dahulu kita akan mengkaji bagaimana pasaran di-luar negeri.

"Walau pun perkara ini boleh di-buat dengan apa jenis pun, tetapi kalau benda2 itu di-per-buat di-dalam negeri sedang harga-nya lebih tinggi daripada negeri2 lain. Ini, akan menga-chewakan; sebab itu semua perkara2 itu sedang dalam kajian pakar ekonomi".

Berkaitan dengan chadangan yang mengkehendaki supaya pekerja2 yang telah lama bekerja di-Pusat Penebangan Pertanian itu di-ganti dengan pekerja2 baharu yang di-datangkan dari penduduk2 Kampong Ayer, Menteri Besar menjelaskan:

"Di-Pusat Penebangan Pertanian yang ada sekarang ini pekerja2-nya dari dahulu lagi dari orang2 di-tempat itu. Walau pun chadangan itu sangat baik kepada orang yang patut menerima, tetapi sa-balek-nya bagaimana-ka keadaan kepada pekerja2 yang telah berbelas2 tahun itu hendak di-tukar dengan sa-bepa chepat.

"Walau bagaimana pun chadangan itu tentu sa-kali akan di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan, tetapi perhatian itu tidak-lah dapat di-laksanakan dengan chepat.

"Sa-kira-nya juga kita meng-ambil langkah yang chepat tentu-lah kita akan mengeluarkan wang hampir berjuta2 ringgit untuk mengganti rugi kepada orang2 yang bekerja itu".

Dato Setia Marsal juga menyatakan berhubung dengan kata2 orang yang menamakan "jalan ra'ayat" itu beliau menjelaskan bahawa perkara itu adalah di-sebabkan Jabatan Kerja Raya sangat kekurangan pegawai2.

"Pegawai2 yang mustahak untuk membuat dan melaksanakan jalan2 kecil atau pun lain2 perkara itu ia-lah tukang ukor"

PENERANGAN PILEHAN RAYA

(Dari Muka 5)

undi dari semua peti undi kemudian di-champorkan semua sekali di-dalam bakul yang besar.

Sebab-nya begitu ia-lah untuk mengelakkan daripada dapat di-agak oleh mana2 pertubuhan sisah berkenaan dengan berapa banyak undi telah di-buang untuk partai-nya atau untuk lawan-nya di-dalam mana2 kawasan mengundi.

Kertas undi di-dalam bakul itu kemudian di-bahagi kepada kerani pengira siapa kemudian memereka muka kertas2 undi itu dan mengasingkan kertas2 undi itu kepada kumpulan yang bersuku untuk tiap2 orang chalu.

Pada perengkat ini kerani2 pengira ada-lah di-perentahkan memberi tahu Pegawai Pengurus mana2 kertas undi yang mengandungi tanda2 yang boleh mengenalkan diri pengundi itu atau pun yang tidak menentukan maksud sa-benar pengundi itu.

Pegawai Pengurus itu dengan serta merta membuat keputusan-nya di atas tiap2 kertas undi yang di-da'wa itu dan sama ada menyuruh undi itu di-

bilang untuk salah sa-orang chalu itu atau pun kertas undi itu di-tolak, dan menerangkan sebab2 keputusan-nya itu kepada chalu2 itu atau wakil2 mereka.

Keputusan Pegawai Pengurus di-dalam perkara ini ada-lah mu'tamad.

Menakala kertas2 undi itu di-asingkan kepada kumpulan2 yang bersuku2 untuk tiap2 orang chalu dan Pegawai Pengurus telah menyelesaikan kertas2 undi yang di-da'wa, berjalan.

Tiap2 kerani pengira menghitung bilangan kertas2 undi itu di-dalam kumpulan di-hadapan-nya dan menyunyunkan kertas2 itu ka-dalam beberapa ikatan sa-puluh helai dan kemudian ratus helai dengan getah pengikat serupa seperti kerani2 bank mengira wang berharga \$1/-. Jumlah kertas2 undi yang di-bilang oleh tiap2 orang kerani pengira kemudian di-nyatakan kepada Pegawai Pengurus siapa meng-champorkan jumlah2 itu dan meng-istiharkan chalu yang berjaya.

Kadang2 kalau jumlah2 itu berbeza sedikit chalu2 atau Pegawai Pengurus sendiri boleh meminta hitungan

itu di-ulang balek. Sa-kira-nya perkara ini berlaku semua kertas2 undi di-masokkan balek di-dalam itu dan peratoran dahulu itu di-ulang samula. Sa-kira-nya jumlah itu berlainan daripada jumlah yang terdahulu itu dan jumlah itu maseh lagi berbeza sa-dikit sahaja, maka boleh-lah beberapa lagi perkiraan di-ulang hingga Pegawai Pengurus berpuas hati dengan keputusan pilehan raya itu.

Manakala ia telah berpuas hati, maka pada masa dan tempat itu juga ia mengistiharkan keputusan itu dengan surat kepada Surohanjaya Pilehan Raya siapa akan melaporkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Sultan. Juga sa-terus-nya saya suka menyebutkan di-sini yang rombongan wang gambar Pejabat Penerangan akan melawat Kampong2 dan menayangkan film2 yang menunjukkan chara2 pilehan raya yang di-jalankan di-Persekutuan Tanah Melayu, dan dari film tersebut maka tuan2 akan dapat memahami serba sedikit berkenaan dengan Pilehan Raya.

NASEHAT MENTERI BESAR KAPADA BAKAL2 ASKAR MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kesedaran pemuda2 Brunei di-tengah2

masharakat mereka pada masa ini memang tidak boleh di-sangkal lagi apabila beratus2 daripada mereka itu telah mencheborkan diri kerana meminta pilih untuk menjadi bakal perajurit tanah ayer.

Ini, telah di-jelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un, ketika beruchap memberi nasehat kepada 195 orang bakal2 Askar Melayu Brunei di-tambahan kastam pada pagi 11 December yang lalu sa-jurus sa-belum bakal2 perajurit itu meninggalkan tanah ayer.

Dato Setia Marsal juga menjelaskan bahawa oleh kerana kepatohan para pemilih dalam menurut sharat2 yang tertentu sa-bagaimana kita patoh kapada Undang2 Negara ini, maka terpaksa-lah Kerajaan menolak permohonan2 yang tidak menchukupi syarat.

"Ini bukan bererti kita tidak mahu menggunakan tenaga mereka yang telah tertolak itu, tetapi demi menyuborkan sa-suatu Askar Melayu yang akan mempunyai taraf yang bernilai maka kita terpaksa oleh keadaan menolak dan mengambil," tegas beliau.

Dato Setia juga telah menasehatkan kapada pemuda2 yang belum berjaya untuk berkhidmat di-lapangan perajurit supaya jangan berputus asa dan peluang2 untuk mereka akan ada pada masa hadapan.

"Kapada mereka yang akan pergi jangan-lah pula terlampau berbangga, sa-balek-nya berusaha-lah sa-terus-nya kerana sa-bagai orang Islam kita sa-harus-nya memperchayai bahawa Tuhan itu tidak akan menolong kita jika kita ragu2 menolong diri sendiri.

"Saya tidak ragu2 untuk menyuruh tuan2 pergi walau pun perkataan "pergi" itu kasar bunyi-nya, kerana pemergian tuan2 ada-lah untuk kepentingan bangsa, negara dan ugama.

"Tuan2 kami suroh pergi, tapi tidak lama lagi kami juga akan menguchapkan selamat datang, datang ka-tanah ayer untuk bertugas dan datang menghampiri rayat tuan2 untuk memboktikan yang tuan2-lah sa-bahagian

daripada pemuda harapan bangsa," kata Dato Setia sa-terus-nya.

Beliau juga menggesa bakal2 perajurit itu supaya melengkapi diri masing2 dengan kelengkapan2 yang akan menentukan taraf mereka sa-bagai Askar Melayu Brunei yang tulin.

"Tuan2-lah, perintis jalan di-segi keaskaran di-negeri ini dan oleh sebab itu maka tidak-lah hairan yang tuan2 sudah tentu akan mengalami sedikit sa-macham kepayahan," tegas Dato Setia lagi.

Di-samping itu beliau juga menjelaskan bahawa kalau tidak ada kepayahan sudah tentu perkataan kesenangan tidak berguna lagi kerana jika hidup lawan-nya mati, panjang lawan-nya pendek dan berani lawan-nya penakut, maka itu kesenangan juga di-lawani dengan kepayahan.

"Chintakan kesenangan semata2 tidak akan melenyapkan kesangsaraan kalau hanya berpelok tuboh," tambah beliau.

Dalam ucapan-nya itu, beliau juga menegaskan bahawa oleh kerana kita menchintai keamanan-lah maka kita berusaha dengan mengadakan Askar Melayu Brunei.

"Hanya dengan perbuatan demikian maka kita akan dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negeri2 yang sudah berkemajuan," tegas beliau.

Dalam lanjutan ucapan beliau itu, beliau berkata bahawa men-dehagakan kemajuan sudah tentu tidak akan menenggelamkan ke-
(Lihat Muka 8)



Kira2 5,000 orang telah membanjiri Tambatan Kastam Diraja di-Bandar Brunei untuk menguchapkan "Selamat Berkhidmat Kapada Tanah Ayer" kapada 195 orang bakal2 Askar Melayu Brunei pada pagi 11 December, 1961.

Sa-belum perajurit2 itu berpisah dari Negeri Brunei, mereka telah bersalam2-an dengan Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei.

Y.A.B. Dato Setia Marsal telah memberi ucapan mengandongi nasehat2 yang berharga kapada bakal2 askar itu di-tempat tersebut.

Kemudian Begawan Mudim Haji Adnan, Kadhi Brunei membacha do'a selamat di-turut oleh azan oleh Mudim Haji Wasli.

Gambar2 ini di-ambil di-Tambatan Kastam Diraja Bandar Brunei sa-belum Bakal2 Askar Melayu Brunei tersebut belayar ka-Labuan.



PERAJURIT2 BELAYAR

BANDAR BRUNEI. — "Allahu Akbar Allahu akbar. Ashadu Allailaha Illallah Ashadu Allailaha Illallah"

Demikian-lah bunyi azan di-suarakan oleh Mudim Haji Wasli sa-baik sahaja empat buah kapal2 Kerajaan Brunei berlepas ka-Labuan pada pagi hari Ithnin 11 December, 1961 untuk membawa bakal2 Askar Melayu Brunei yang baharu dalam pelayaran mereka ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatih di-Pusat Latehan Askar Melayu Diraja di-Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bakal2 askar tersebut berjumlah 195 orang telah belayar dalam kapal2 Sultan, Bolkihah, Sindaun dan Nakhoda Manis ka-Labuan.

Dari Labuan mereka telah belayar ka-Singapura dengan kapal "Keningau."

Bakal perajurit2 itu telah tiba di-Singapura pada 14 December. Dari sana mereka telah pergi ka-Seremban dengan menaiki kereta api dan dari Seremban pula perajurit2 itu telah pergi ka-Port Dickson dengan menaiki beberapa buah kereta.

Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamad telah belayar ka-Singapura bersama2 de-

ngan perajurit2 tersebut.

Inche Mohamed Taib bin Awang Besar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Singapura pada 13 December dengan kapal terbang bersama2 dengan dua orang lagi Askar Melayu Brunei dari pasukan yang sudah berlatih di-Malaya sa-lama enam bulan.

Dari Singapura Inche Taib dan Yang Berhormat Inche Manan telah membawa bakal2 askar tersebut ka-Port Dickson.

Beliau2 itu di-jadualkan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari ini.



Satu pemandangan di-Labuan pada petang 11 December, 1961 pada masa bakal2 Askar Melayu Brunei sedang menaiki kapal "Keningau" untuk belayar ka-Singapura.

DERMA KEBAKARAN KAPADA MANGSA2

BANDAR BRUNEI. — Kumpulan wang derma kebakaran Barrek Kajang Jalan Tongkadeh yang berjumlah \$9,494.55 dan beberapa derma yang berupa kain baju telah di-bahagikan kepada 10 keluarga yang di-timpa kemalangan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin Setia Usaha Pejabat Hal-Ehwal Ugama sebagai wakil Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali, selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat, mengikut nasihat Badan Jawatan Kuasa yang di-lantek oleh Kerajaan, pada 9 December yang lalu.

Wang2 derma tersebut telah di-bahagikan kepada mangsa2 kebakaran itu seperti berikut: —

◆ Jumlah wang sa-banyak \$2,548.62 telah di-terima oleh Inche Ahad bin Rahim, Inche Nordin bin Taha dan Pengiran Duraman, masing2 mempunyai tanggungan sa-orang isteri dan sa-orang anak.

◆ Inche Isa bin Haji Mohammad dan isteri, dan Inche Ahmad bin Haji Salleh dan isteri pula masing2 telah menerima sa-banyak \$1,598.85 tiap2 satu keluarga.

◆ Kapada Inche Zakaria bin Hassan dan Inche Durahim bin Kassim, kedua2-nya mempunyai tanggungan sa-orang isteri dan sa-orang anak, pehak yang berkuasa telah memberikan sa-banyak \$1,598.85.

◆ Wang yang berjumlah \$1,099.31 pula telah di-terima oleh Inche Zaini bin Abdul Hamid yang mempunyai tanggungan sa-orang isteri, sa-orang anak dan sa-orang kawan yang menumpang, dan wang yang sama jumlah-nya ini juga telah di-terima oleh Inche Serudin bin Salim yang mempunyai tanggungan sa-orang anak dan sa-orang isteri.

◆ Inche Md. Ali bin Rimmy yang tidak mempunyai tanggungan apa2 telah menerima wang yang berjumlah \$350.00.

Keluarga2 yang telah menerima derma ini telah menyatakan ucapan rasa terima kasih mereka kepada semua para dermawan yang telah bertimbang rasa dan bermurah hati kepada mereka.

Dato Setia Pengiran Ali selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat telah menyatakan bahawa sokongan2 daripada penderma2 ada-lah sangat memuaskan hati.

\$9,494.55 DI-BERIKAN



Satu pemandangan di-majlis menyampaikan hadiah derma2 kebakaran yang telah di-adakan di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada 9 Decemebre yang lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin, Setia Usaha, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei (nombor dua dari kanan) telah menyampaikan hadiah2 itu bagi pehak Pemangku Pegawai Kebajikan Masyarakat, Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali. Berdiri di-hujung kanan sa-kali ia-lah sa-orang anggota Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

KERAJAAN MENIMBANGKAN PERMINTAAN2 YANG BERFAEDAH

★ **BANDAR BRUNEI.** — Kerajaan belum lagi memberikan kemudahan2 kepada ra'ayat terutama petani2 yang tidak mempunyai tanah untuk mendapatkan tanah baharu bagi kegunaan apa sekali pun. Tetapi Kerajaan bersedia menimbangkan permintaan2 untuk kegunaan perumahan atau perusahaan yang mendatangkan fa'edah kepada iktesad negeri di-kawasan2 yang di-fikirkan sesuai.

Ini, telah di-terangkan oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December yang lalu ketika menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Inche' Shabbuddin bin Md. Salleh yang ingin mengetahui tentang kemudahan2 yang diberikan kepada ra'ayat terutama petani2 yang tidak mempunyai tanah untuk meminta tanah baharu.

"Mithal-nya tanah2 untuk perumahan bagi orang yang mempunyai mata pencharian yang tetap dalam bandar atau di-lain2 tempat, pekerjaan yang tertentu, untuk mendirikan perusahaan kilang, untuk bertanam padi dan lain2 barang makanan, Kerajaan sedia menimbangkan asalkan diatas tanah2 yang sesuai dengan sa-chara T.O.L.", tegas Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf.

Beliau menjelaskan bahawa untuk bertanam pokok2 getah, kelapa, buah2an dan lain2 pokok yang kekal, Kerajaan tidak akan membenarkan-nya melainkan di-kawasan2 yang cukup besar setelah di-siasat, di-ator dan di-selenggarakan dengan anjoran dan bantuan Kerajaan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang sekarang ini sedang di-pertimbangkan oleh sa-buah Jawatan Kuasa Perancang dalam Lembaga Kemajuan Negara.

RA'AYAT SULTAN HENDAK-LAH BERBAHASA KEBANGSAAN

BANDAR BRUNEI.—Mana2 orang yang memohonkan taraf kera'ayatan sama ada dengan chara pendaftaran atau penuangan taraf kebangsaan, orang itu hendak-lah mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu seperti yang di-tentukan Lembaga Bahasa, dan boleh bertutor dalam bahasa itu dengan faseh, kechuali barangkali, orang itu chat saperti bisu atau tuli.

Satu atau lebeh Lembaga hendak-lah di-adakan yang akan mengandongi pengerusi pada tiap2 satu lembaga dan dua orang ahli yang lain di-lantek oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat.

SALORAN AYER

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pengiran Haji Abd. Rahman, Pegawai Da'erah Belait menjelaskan bahawa saloran ayer untuk di-pasangkan di-atas tanah sudah pun di-pesan dan akan tiba sadikit masa lagi. Bagitu juga saloran ayer dari pada getah menyebarkan Sungai Belait akan di-pasangkan apabila mendapat persetujuan dari Lembaga Tawaran.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin mengenai Ranchangan Kemajuan Lima Tahun di-daerah Belait dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December lepas.

Pengiran Jadid bertanya adakah sudah berjalan ranchangan Kerajaan memberi perbekalan ayer di-Kampung Sungai Teraban Kuala Belait yang telah di-janjikan pada bulan October yang lalu.

NASEHAT MENTERI BESAR

(Dari Muka 7)

mundoran, manakala mengutuki kemundoran tidak pula akan menimbulkan kemajuan jika tidak di-sertai dengan perbuatan.

"Perbuatan itu sudah tetap mengandongi suka dan duka, apa yang sudah berlaku dan akan ber-

laku dan pada pagi ini ada-lah demi kepentingan kemajuan negara kita" tegas beliau lagi.

Pemergian bakal2 perajurit tanah ayer itu ada-lah suatu kedu-kalaan antara mereka dengan keluarga masing2, tetapi pada keseluruhan-nya bangsa dan negara tetap bersuka atas pemergian mereka itu.

"Kesukaan bangsa dan negara ia-lah atas kejujuran dan keikh-lasan tuan2 yang akan pergi kerana mencheborkan diri tuan2 dilapangan keaskaran," tambah beliau.

Dato Setia juga menyedari bahawa di-sa'at beliau memberi ucapan itu memang ada ibu2 yang telah menchuchorkan ayer mata.

"Tetapi saya juga yakin bahawa keluaran ayer mata itu telah di-sertai dengan hati yang sadar, sadar bahawa di-dunia ini memang sudah suratan alam yang kita mesti berpisah dengan sa-siapa sahaja," tegas Dato Setia.

PENGAKAP2 BRUNEI KA-HONGKONG

BANDAR BRUNEI. — Sapuluh orang pengakap2 dan guru2 pengakap akan mewakili Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap Jubilee Emas yang akan di-adakan di-Hongkong mulai daripada 27 December, 1961 hingga 2 January, 1962.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan dengan rasmi bahawa lima orang pengakap2 dan dua orang guru2 pengakap dari Daerah Brunei telah pun di-pileh untuk menghadiri perkhemahan tersebut.

Wakil2 pengakap dari Daerah Brunei itu ia-lah: Sharani bin Othman, Han Foo Kuang, Ismail bin Ahmad, Serudin bin Tarip dan Reynolds Keasberry.

Dua orang guru2 pengakap yang akan mewakili Daerah Brunei di-perkhemahan tersebut ia-lah Inche Alias bin Ahmad dan Inche Taib bin Haji Mohamed Sa'id.

Para perwakilan tersebut akan berlepas ka-Hongkong dengan kapal terbang sadikit hari lagi.



Pemain2 dan penyokong2 Pasokan Hokey Wanita Bandar Brunei bergambar ramai di-bangunan Lapangan Terbang Brunei di-Berakas baharu2 ini sa-belum mereka berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang untuk mengadakan perlawanan2 hokey sa-chara persahabatan dengan pasokan2 hokeywanita di-sana. Betty Yee, Kapitan pasokan itu duduk di-tengah.

HOKEY WANITA:

Bandar Brunei Mengalahkan Jesselton

JESSELTON. — Pasokan Hokey Wanita dari Bandar Brunei telah mengalahkan Pasokan Hokey Wanita Jesselton dengan 1 gol tidak berbalas, dalam satu perlawanan sa-chara persahabatan.

Perlawanan itu telah di-langsungkan di-padang Bandar Jesselton pada petang hari Ahad 10 December yang lalu dan di-saksikan oleh ramai penggemar2 permainan hokey.

Gol yang tunggal di-dapati oleh pasokan dari Bandar Brunei itu telah di-jaringan oleh sayap kirinya, Dayangku Norsalam kira2 lima minit sa-belum tamat pertengahan yang pertama.

Para pelawat dari Brunei itu telah mengadakan satu lagi perlawanan hokey dengan Pasokan Champoran Penuntut2 Sekolah2 Perempuan dan Wanita2 Jesselton pada petang hari Ithnin 11 December.

Dalam perlawanan itu kedua2 pasokan telah seri. Mereka telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan itu juga telah di-langsungkan di-padang Bandar Jesselton.

S. M. J. A. Dan S. M. A. T. Menang

BANDAR BRUNEI. — Dua perlawanan2 akhir bola sepak murid2 sekolah negeri ini telah di-langsungkan di-padang Bandar Brunei pada petang hari Khamis 7 December yang lalu.

Perlawanan yang pertama ia-lah perlawanan akhir pasokan2 murid2 yang berumur 12 tahun ka-bawah atau ka-bawah 4 kaki 8 inchi tinggi.

BOLA SEPAK:

Selangor Melawan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Selangor akan melawan Brunei dalam perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan pada awal tahun hadapan. Demikian menurut satu berita dari Kuala Lumpur.

Berita itu menyebutkan bahawa Pasokan Bola Sepak Negeri Selangor, johan pertandingan bola sepak Piala Malaya pada tahun ini, akan melawan Singapura terlebih dahulu sa-belum melawan ka-Brunei.

Berhubung dengan perkara tersebut Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua, Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei berkata, ketika di-minta pendapat beliau, bahawa sa-hingga lewat hari Ithnin yang lalu Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei belum lagi menerima sa-barang surat daripada Persatuan Bola Sepak Selangor.

Bagaimana pun, Pengiran Puteh menegaskan bahawa sa-kira-nya lawatan para pelawat tersebut ka-negeri ini di-adakan di-bawah anjuran Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei, persatuannya akan memberi layanan2 yang memuaskan hati para pelawat itu.

Perlawanan yang kedua ia-lah perlawanan akhir pasokan2 murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-bawah.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah bertemu dengan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dalam kedua2 perlawanan akhir tersebut.

Dalam perlawanan yang pertama, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dengan satu gol tidak berbalas.

Ali bin Abang telah menjaringkan gol yang tunggal dalam perlawanan tersebut bagi pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Gol itu telah di-jaringan tujuh minit sa-belum tamat pertengahan yang pertama.

Inche Ismail Salleh telah mengadakan perlawanan tersebut.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan 4 gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir bola sepak murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-bawah.

A w a n g k u Muhammad bin Pengiran Abdul Rahman telah menjaringkan 2 gol dan begitu juga Mohammad Noor bin Mohammad telah menjaringkan 2 gol bagi pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Pada masa pertengahan yang pertama Sekolah Melayu SMJA telah memperolehi 2 gol tidak berbalas dan 2 gol lagi telah di-dapati oleh Sekolah Melayu S.M.J.A. dalam masa pertengahan yang kedua.

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah mengadakan perlawanan tersebut.

Hadiah2 kepada johan2 dan naib2 johan perlawanan2 tersebut serta juga kepada tiap2 pemain dan ahli simpanan yang mengambil bahagian dalam perlawanan2 akhir tersebut telah di-sampaikan oleh Inche Noordin bin Abdul Latiff, Penguasa Pelajaran Melayu, Negeri Brunei.



Pasokan2 Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Sengkurong bergambar ramai sa-belum di-adakan perlawanan bola sepak tidak berapa lama dahulu. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkurong dengan 6 gol tidak berbalas.



Pasokan2 Bola Sepak Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria bergambar ramai sa-belum di-langsungkan perlawanan akhir untuk merebutkan gelaran kejohanan pasokan murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-atas. Berita lanjut perlawanan itu telah di-siarkan dalam keluaran kita yang lalu.

Y.D.P. AGONG MALAYA MELAWAT INDIA

BOMBAY. — Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Bombay pada hari Khamis 7 December, 1961 untuk melawat India sa-chara rasmi sa-lama tiga minggu.

Ini-lah pertama kali Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melawat ka-India dan juga ini-lah pertama kali dalam sejarah India sa-orang Sultan dari Persekutuan Tanah Melayu melawat ka-India.

Baginda2 tersebut telah di-sambut oleh beribu2 orang ketika tiba di-"Pintu Gerbang India." Pintu gerbang itu telah di-bena dalam tahun 1911 sa-bagai menyambut lawatan mendiang King George Yang Ke-lima dan permaisuri-nya mendiang Queen Mary.

Uchapan2 "Selamat Datang" kepada Duli2 Yang Maha Mulia itu telah di-lafadzkan oleh Sri Prakasa, Gabnor Maharashtra dan oleh Ketua Menteri Sri Prakasa, Sri Y.B. Chawan, sa-baik sahaja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong tiba di-tempat tersebut.

Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah melawat ka-Negeri Brunei sa-chara rasmi pada bulan July tahun ini.

Gambar yang di-siarkan di-muka ini telah di-ambil di-lapangan terbang Brunei ketika Baginda2 sedang mengucapkan "Selamat Tinggal" kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan juga kepada penduduk2 di-Negeri Brunei sa-belum Baginda balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang Sharikat Malayan Airways.



Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong

Tengku Berhajat Melayu Raya Di-Tubuhkan August 1962

SINGAPURA. Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu berhajat agar Persekutuan Melayu Raya di-tubuhkan pada bulan August tahun hadapan.

Perkara tersebut telah di-nyatakan oleh Inche Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura.

Inche Lee Kuan Yew berkata sa-demikian pada masa beliau balek ka-Singapura dari Kuala Lumpur pada malam Khamis yang lalu sa-telah beliau mengadakan perundingan dengan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu itu berhubung dengan mas'alah Persekutuan Melayu Raya.

Sebab pun yang Tengku Abdul Rahman berkehendakkan supaya Persekutuan Melayu Raya itu di-tubuhkan pada bulan August tahun hadapan, ia-lah untuk menjadikan sambutan Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu satu hari yang bersejarah kata lagi Inche Lee Kuan Yew.

Dalam jawapan-nya kepada sa-orang wartawan berhubung dengan so'al an kemasokan Negeri Brunei, Sarawak dan Borneo Utara ka-dalam Persekutuan Melayu Raya itu, Inche Lee Kuan Yew berkata bahawa ra'ayat ketiga2 buah negeri tersebut hendaklah mengambil persetujuan dengan tidak membuang masa lagi sama ada mereka berhajat hendak

PENUNTUT2 KOLEJ ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Lima orang penuntut2 dari Negeri Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Kolej Islam Malaya di-jangka akan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari ini untuk menyempurnakan kelepasan mereka.

Penuntut2 itu ia-lah Inche2 Abdul Hamid bin Bakal, Yahya bin Ibrahim, Ibrahim bin Mudim Haji Ismail, Abu Bakar Tengah dan Abdul Saman bin Abdul Kahar.

memasuki Persekutuan Melayu Raya yang di-chadangkan itu, atau pun mereka berhajat hendak bersekutu dengan Indonesia.

Undang2 Taraf Kebangsaan

BANDAR BRUNEI. — Samenjak Rang Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei di-hadapkan kepada seluruh ra'ayat, Kerajaan telah menerima berbagai2 buah fikiran dan pendapat yang berupa pindaan dan persesuaian undang2 itu untuk di-kuatkuasakan.

Samenjak itu juga Kerajaan telah mengkaji, menimbankan dan mengotor untuk memberi kelonggaran2 bagi meluaskan ma'ana perkataan 'Anak Brunei' — khusus-nya untuk memberi kemudahan2 bagi orang2 yang akan menjadi ra'ayat Sultan yang ta'at setia.

Hasil dari tolak ansor itu-lah maka Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei yang telah di-kemukakan di-persidangan Majlis Mesuarat Negeri pada 7hb December, 1961, telah dapat di-luluskan dan akan dapat di-jalankan kuatkuasa-nya pada 1 January, 1962.

Dengan undang2 itu maka sa-loran2 untuk menjadi 'Anak Brunei' tidak tertutup kepada sa-siapa pun asalkan sa-saorang yang hendak menjadi ra'ayat Sultan boleh memenohi salah satu dari TIGA sharat sahaja, ia-itu :

- (a) Dengan kuatkuasa mutlak undang2,
- (b) Sa-telah di-kurniakan sa-tu sijil pendaftaran, dan
- (c) Sa-telah di-kurniakan sa-tu sijil penuangan taraf kebangsaan.

PRESIDEN PHILIPINA YANG BAHARU

MANILA. — Kongres Philipina telah mengishtiharkan Naib Presiden Diosdade Macapagal sa-bagai Presiden Philipina yang baharu.

Peristiharan tersebut telah diselenggarakan pada hari Thalhatha 12 December yang lalu sa-

LAHIR DI-KAPAL

BANDAR BRUNEI. — Sa-sa-orang anak yang lahir di-kapal akan mempunyai taraf kera'ayatan di-mana juga kapal itu di-daftarkan.

Kalau kapal itu tidak ada mempunyai pendaftaran, maka kera'ayatan anak itu akan dianggap di-tempat mana kapal itu akan di-daftarkan, atau mengikut sabagaimana keadaan negeri itu.

telah Kongres itu bersidang sa-lama dua hari.

Presiden Macapagal telah menggantikan bekas Presiden Carlos Garcia sa-lepas di-adakan pilehan raya Negeri Philipina tidak berapa lama dahulu.

Dalam pilehan raya itu Presiden Macapagal telah mengalahkan bekas Presiden Garcia lebeh daripada 650,000 undi.

Kongres tersebut juga telah mengishtiharkan Inche Emmanuel Pelaez sa-bagai Naib Presiden Philipina yang baharu.

Menurut satu berita yang rasmi, Presiden Macapagal dan Naib Presiden Pelaez akan mengangkat sumpah memegang jawatan masing2 pada 30 December hadapan.